

29 FEB 1996

Mahathir-Saham

LEBIH BANYAK SYARIKAT M'SIA KE BURSA SAHAM ASING, KATA PM

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menjangka lebih banyak lagi syarikat Malaysia dapat disenaraikan di bursa-bursa saham asing.

"Saya fikir penyenaaraan syarikat tempatan di bursa saham antarabangsa juga akan memberi pulangan yang besar kepada syarikat itu sendiri melalui peningkatan nilai dan perolehan modal," katanya kepada pemberita di sini hari ini sebagai mengulas penyenaaraan YTL Corporation Berhad di Bursa Saham Tokyo bermula hari ini.

"Ini kerana jika syarikat itu sudah terkenal, mereka yang tiada di sini tapi mahu melabur dalam syarikat itu boleh melalukannya kerana ia telah disenaraikan di bursa saham tempat mereka.

"Ini juga merupakan bukti syarikat kita itu benar-benar mampu memberi pulangan yang baik dan saya yakin ia akan mendapat pelanggan yang ramai," katanya.

Dr Mahathir berkata penyenaaraan YTL, syarikat pemaju projek infrastruktur dan pengeluar tenaga bebas membuktikan bahawa syarikat tempatan sudah layak untuk dijadikan tempat pelaburan bagi pelabur antarabangsa.

Dr Mahathir berkata memandangkan Bursa Saham Tokyo mempunyai begitu banyak syarikat gergasi dan para pelabur mempunyai pilihan, maka penyenaaraan YTL sekali gus membuktikan kemantapan ekonomi negara.

Mengenai tarif baru elektrik yang diumumkan semalam, beliau berkata ia dibuat dengan memberi penekanan kepada usaha mencapai inflasi sifar.

Katanya, berdasarkan kepada tarif baru itu, pengguna biasa tidak akan menghadapi masalah.

"Yang pentingnya daripada segi inflasi sifar apabila pengguna biasa tidak akan menghadapi masalah, lainlah kalau dia menggunakan lebih (tenaga elektrik)," katanya.

Dr Mahathir berkata tarif baru itu juga memberi banyak pertimbangan kepada industri kerana terdapat potongan apabila menggunakan elektrik pada unit yang ditetapkan.

Menurutnya beliau tidak menjangka kos pengeluaran akan meningkat seperti yang dikhuatiri sesetengah pihak ekoran sedikit kenaikan kadar bagi pengguna perdagangan dan perindustrian.

"Kita memberi banyak pertimbangan kepada industri dengan potongan jika penggunaannya melebihi sekian banyak unit. Saya rasa ia tidak akan membebankan industri biasa.

"Kecuali industri itu betul-betul menggunakan elektrik seperti industri besi, yang lain tidak akan menghadapi masalah," katanya.

Tarif baru itu yang diumumkan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie menyaksikan antara lain kenaikan antara satu dan tiga sen seunit bagi pengguna perdagangan dan perindustrian tetapi dengan beberapa pengecualian sementara bagi penggunaan domestik yang tidak melebihi 200 unit akan dikurangkan bayaran bulanan sehingga RM3. -- BERNAMA

ZAA NMO